



Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera,

YB Menteri/ YB Timbalan Menteri /YBhg. Datuk Dr./ YBhg. Datuk /YBhg. Dato’/YBrs. Dr./Tuan/Puan

2. Sukacita disertakan laporan pemantauan akhbar dan berita berkaitan dengan kementerian ini bertarikh 01-03 April 2023 (Jumaat-Isnin) untuk makluman dan perhatian sewajarnya.

Disediakan oleh,
Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	<p>Hampir 5,000 Penerima Bantuan Berjaya Keluar Dari Kelompok Miskin</p> <p>https://malaysiagazette.com/2023/04/01/hampir-5000-penerima-bantuan-berjaya-keluar-dari-kelompok-miskin/</p> <p>https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/04/01/al-most-5000-welfare-recipients-brought-out-of-poverty-says-nancy</p> <p>https://www.nst.com.my/amp/news/nation/2023/04/895240/more-4900-aid-recipients-lifted-out-poverty-last-year</p> <p>https://www.malaymail.com/amp/news/malaysia/2023/04/01/nancy-shukri-nearly-5000-social-welfare-dept-recipients-brought-out-of-poverty/62693</p>	<p>Malaysia Gazette</p> <p>The Star</p> <p>NST</p> <p>Malay Mail</p>	Neutral

	<p>https://tvstv.my/2023/04/01/hampir-5000-penerima-bantuan-jkm-berjaya-keluar-daripada-kepompong-kemiskinan-nancy/</p> <p>https://www.thevibes.com/articles/news/89344/nearly-5000-recipients-of-welfare-dept-aid-lifted-from-poverty-last-year</p> <p>https://www.themalaysianinsight.com/index.php/bahasa/s/435950</p> <p>https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2178157</p>	<p>TVSTV</p> <p>The Vibes</p> <p>The Malaysian Insight</p> <p>Bernamea</p>	
2	<p>Dakwaan Layanan Kurang Menyenangkan Kakitangan JKM Bintulu Disiasat: Fatimah</p> <p>https://www.utusanborneo.com.my/2023/04/01/dakwaan-layanan-kurang-menyenangkan-kakitangan-jkm-bintulu-disiasat-fatimah</p>	<p>Utusan Borneo</p>	Neutral
3	<p>Ibu Tunggal Diuji Rumah Terbakar Selepas 2 Bulan Suami Meninggal</p> <p>https://www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/04/1084832/ibu-tunggal-diuji-rumah-terbakar-selepas-2-bulan-suami-meninggal</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/ampArticle/252495</p> <p>https://youtu.be/zSjEELJ87Dg</p> <p>https://www.kosmo.com.my/2023/04/01/baru-kehilangan-suami-rumah-pula-terbakar/</p>	<p>Berita Harian</p> <p>Sinar Harian</p> <p>Buletin TV3</p> <p>Kosmo</p>	Neutral
4	<p>Kifarah 'Dosa' Silamku</p> <p>https://www.hmetro.com.my/utama/2023/04/951994/kifarah-dosa-silamku</p>	<p>Harian Metro</p>	Neutral
5	<p>Anak Sindrom Down Mampu Jalani Hidup Berkualiti</p>		Neutral

	https://www.bharian.com.my/amp/wanita/keluarga/2023/04/1084949/anak-sindrom-down-mampu-jalani-hidup-berkualiti	Berita Harian	
6	<p>10 Rumah Setinggalan Musnah Dalam Kebakaran Di Labuan</p> <p>https://www.sabahgazette.com/10-rumah-setinggalan-musnah-dalam-kebakaran-di-labuan/</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/252587/berita/semasa/10-rumah-musnah-dalam-kebakaran-di-labuan</p>	<p>Sabah Gazette</p> <p>Sinar Harian</p>	Neutral
7	<p>Pemuda Perkosa Kanak-Kanak 12 Tahun Diberkas</p> <p>https://www.kosmo.com.my/2023/04/02/pemuda-perkosa-kanak-kanak-12-tahun-diberkas/</p> <p>https://www.astroawani.com/berita-malaysia/polis-tahan-lelaki-warga-asing-rogol-kanak-kanak-perempuan-12-tahun-413740</p>	<p>Kosmo</p> <p>Astro Awani</p>	Neutral
8	<p>Anak Cerebral Palsy Perlu Dapatkan Bantuan Intervensi Awal</p> <p>https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/04/952528/anak-cerebral-palsy-perlu-dapatkan-bantuan-intervensi-awal</p>	Harian Metro	Neutral
9	<p>'Sabar, Jangan Ajar': Bapa Kanak-Kanak Autistik Kongsi Pengalaman</p> <p>https://www.malaysiakini.com/news/660845</p>	Malaysia Kini	Neutral
10	<p>Kerana Cinta Ditolak, Seorang Wanita Cuba Terjun Dari Tingkat 14 Kompleks PKNS</p> <p>https://malaysiagazette.com/2023/04/02/kerana-cinta-ditolak-seorang-wanita-cuba-terjun-dari-tingkat-14-kompleks-pkns/</p>	Malaysia Gazette	Neutral
11	<p>Wanita OKU Kali Kedua Cuba Terjun PKNS</p> <p>https://www.kosmo.com.my/2023/04/02/wanita-oku-kali-kedua-cuba-terjun-pkns/</p>	Kosmo	Neutral

12	<p>Eksekutif Wanita Di Miri Rugi Lebih RM140 Ribu Ditipu ‘Scammer’</p> <p>https://tvstv.my/2023/04/02/eksekutif-wanita-di-miri-rugi-lebih-rm140-ribu-ditipu-scammer/</p>	TVSTV	Neutral
13	<p>Baju Raya, Wang Tunai RM20,000 Hangus</p> <p>http://origin.bharian.com.my/berita/kes/2023/04/1085236/baju-raya-wang-tunai-rm20000-hangus</p>	Berita Harian	Neutral
14	<p>Warga Emas OKU Rentung Dalam Kebakaran Rumah</p> <p>https://www.astroawani.com/berita-malaysia/warga-emas-oku-rentung-dalam-kebakaran-rumah-413752</p> <p>https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/04/1085274/warga-emas-oku-rentung-dalam-kebakaran-rumah</p> <p>https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/04/952611/lelaki-oku-ditemukan-rentung</p>	<p>Astro Awani</p> <p>Berita Harian</p> <p>Harian Metro</p>	Neutral
15	<p>Tak Suka Mentua, Rasa Terbeban Punca 2,144 Warga Emas Diabai</p> <p>https://www.utusan.com.my/nasional/2023/04/tak-suka-mentua-rasa-terbeban-punca-2144-warga-emas-diabai/</p> <p>https://headtopics.com/my/tak-suka-mentua-rasa-terbeban-punca-2-144-warga-emas-diabai-37491881</p>	<p>Utusan</p> <p>Head Topics</p>	Neutral
16	<p>Rumah Hangus, Warga Emas Sempat Selamat Wang Zakat, Barang Kemas [METROTV]</p> <p>https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/04/952420/rumah-hangus-warga-emas-sempat-selamat-wang-zakat-barang-kemas-metrotv</p> <p>https://www.youtube.com/watch?v=3U7jrjPMvRQ</p>	<p>Harian Metro</p> <p>Harian Metro</p>	Neutral
17	<p>Anak-Anak OKU Juga Berhak Belajar Agama</p> <p>https://www.utusan.com.my/berita/2023/04/anak-anak-oku-juga-berhak-belajar-agama/</p>	Utusan	Neutral

HAMPIR 5,000 PENERIMA BANTUAN BERJAYA KELUAR DARI KELOMPOK MISKIN

<https://malaysiagazette.com/2023/04/01/hampir-5000-penerima-bantuan-berjaya-keluar-dari-kelompok-miskin/>

Sumber : Malaysia Gazette



KUCHING – Hampir 5,000 penerima bantuan kebajikan di bawah pelbagai program anjuran Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah berjaya keluar daripada kelompok miskin sepanjang tahun lepas, kata Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Nancy Shukri.

Beliau berkata jumlah itu terdiri daripada 533,167 penerima bantuan secara keseluruhan yang melibatkan peruntukan sebanyak RM2.4 bilion.

“Walaupun tidak ramai dari segi jumlahnya iaitu 4,921 orang, tapi sekurang-kurangnya mereka berjaya keluar daripada golongan yang menerima bantuan itu. Jadi kita bantu mereka supaya mereka boleh berdikari,” katanya selepas menghadiri Program Kasih Ramadan anjuran Yayasan Kebajikan Negara (YKN) di sini, hari ini.

Di Dewan Rakyat sebelum ini, Nancy memaklumkan kira-kira 1,500 penerima bantuan yang menyertai program ‘2 Years Exit Programme’ (2YEP) di bawah JKJ telah berjaya keluar daripada memerlukan bantuan kebajikan sejak program berkenaan diadakan pada 2016.

Dalam pada itu, beliau berkata kementerianya menyalurkan peruntukan tambahan RM10 juta kepada RM2.41 bilion bagi tujuan program kebajikan pada tahun ini, berbanding RM2.4 bilion pada tahun lepas.

“Kita ada peruntukan, untuk kebajikan sahaja pada tahun lepas ialah RM2.4 (bilion) tapi pada tahun ini bertambah kepada RM2.41 (bilion) sebab penerima bantuan kebajikan kita telah

bertambah. Kumpulan sasar melibatkan golongan asnaf merupakan jumlah penerima tertinggi,” katanya.

Terdahulu, Nancy yang juga Pengerusi YKN dan Ahli Parlimen Santubong menyalurkan sumbangan bakul makanan kepada 100 penduduk kampung terdiri daripada golongan asnaf dari Kampung Beradek, Kampung Semilang dan Kampung Tiang Api. – BERNAMA

DAKWAAN LAYANAN KURANG MENYENANGKAN KAKITANGAN JKM BINTULU DISIASAT: FATIMAH

<https://www.utusanborneo.com.my/2023/04/01/dakwa-an-layanan-kurang-menyenangkan-kakitangan-jkm-bintulu-disiasat-fatimah>

Sumber : Utusan Borneo



KOTA SAMARAHAN: Kementerian Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti sedang menyiasat dakwaan layanan yang kurang menyenangkan terhadap seorang klien oleh seorang kakitangan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) di Bintulu pada Jumaat.

Menterinya Dato Sri Fatimah Abdullah berkata, sekiranya dakwaan tersebut berasas, maka beliau berharap ia dapat diselesaikan secara baik.

"Perkara ini masih dalam siasatan dan sekiranya didapati bahawa memang ada terlepas cakap, kita akan minta supaya perkara ini boleh diselesaikan secara baik. Yang penting, jangan ulangi lagi.

"Kita juga akan meminta pengadu supaya dapat ke JKM Bintulu dan selesaikan perkara ini dengan baik. Jikalau ada salah dan silap di pihak kakitangan kami, maka wajar kakitangan kami memohon maaf.

"Kalau mereka tidak tahu mengisi borang, biar kita isikan... tidak apa. Kalau salah mengisi butiran maklumat atau salah lokasi membuat permohonan, tugas kita adalah untuk membantu... ini yang selalu saya tekankan," ujarnya ketika diminta mengulas satu hantaran viral di Facebook mengenai isu tersebut selepas pelancaran Chegu Aiman Gadget di sini, hari ini.

Fatimah berkata, klien yang datang untuk berjumpa dengan JKM biasanya daripada golongan rentan dan memerlukan bantuan.

Pada Jumaat, pengadu memuat naik gambar yang menyatakan anak buahnya telah diarahkan oleh pihak hospital untuk ke pejabat JKM Bintulu bagi mendapatkan bantuan.

Bagaimanapun, kakitangan berkenaan didakwa berkata: "Apa kitak minta bantuan tok. sik cukup makankah?"

Pengadu yang terkilan lalu menulis: "Jangan kelakar macam ya... lagik pun sik minta-minta pun, jangan sombong gilak. Kita sik tauk apa akan terjadi esok... maaflah bulan puasa tok beviral macam tok... kepada JKM Bintulu, jaga staf kitakorg ya."

Sehubungan itu, Fatimah sekali lagi menegaskan kembali bahawa pihaknya berpegang kepada prinsip agar kumpulan rentan dibantu, sejahtera dan mempunyai kewujudan yang bermaruah.

"Kita mahu setiap orang berasakan dirinya dihargai dan mereka ini ada harga diri dan ia perlu diserap dalam diri kakitangan kami dari kaunter sampailah yang duduk pegawai pembuat keputusan di peringkat tertinggi," tegasnya.

IBU TUNGGAL DIUJI RUMAH TERBAKAR SELEPAS 2 BULAN SUAMI MENINGGAL

<https://www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/04/1084832/ibu-tunggal-diuji-rumah-terbakar-selepas-2-bulan-suami-meninggal>

Sumber : Berita Harian



KLANG: Selepas kehilangan suami dua bulan lalu, seorang ibu tunggal kini diuji lagi apabila rumah yang didiaminya bersama lima anak terbakar awal pagi tadi.

Turut terbakar adalah rumah ibu mentuanya yang terletak bersebelahan.

Bagaimanapun, Ispahani Ismail, 41 memberitahu beliau bersyukur apabila lima anak berusia sembilan bulan hingga 12 tahun serta ibu mentuanya selamat.

Ketika kebakaran beliau sedang berehat di bilik dan turut berada di rumah adalah dua anak yang berusia 12 dan lapan tahun.

"Anak sulung saya, Asyfa Nurin Eirdeena, 12 memberitahu bahawa ada api di depan pintu rumah dan apabila saya keluar dari bilik, saya tengok api sudah marak.

"Ketika itu, saya hanya dapat capai telefon dan sedikit barang anak-anak sebelum bergegas keluar mengikut pintu belakang rumah.

"Syukur Alhamdulillah, tiga lagi anak saya termasuk yang bongsu (sembilan bulan) mengikut nenek mereka yang bertadurus di surau berdekatan," katanya yang menetap sementara di sebuah inap desa di Kampung Delek, hari ini.

Ispahani berkata dia dan ibu mentua, Nik Rohana Nik Lah, 62 kini tinggal sehelai sepinggang. Selain rumah hangus, turut terbakar ialah sebuah kereta serta tiga motosikal.

Katanya, lebih terkilan apabila baju raya serta wang sumbangan saudara, rakan-rakan kepada anak-anak selepas suaminya meninggal dunia juga tidak dapat diselamatkan.

"Sejujurnya, selepas suami Mohd Rifaie Mohd Nafiah, 41 meninggal dunia akibat penyakit dalam darah pada 6 Februari lalu, saya memang tidak memikirkan mengenai hari raya.

"Bagaimanapun, ada rakan-rakan saya dan arwah suami yang menghantar baju raya untuk mereka, jadi saya agak terkilan kerana tidak dapat menyelamatkan pakaian itu," katanya.

Ditanya mengenai perancangan selepas ini, Ispahani yang berasal dari Maran, Pahang berkata beliau akan mencari pekerjaan selepas ini untuk menyara anak-anak.

Terdahulu, dalam kejadian jam 10 pagi, dua buah rumah di Kampung Delek Kanan terbakar 90 peratus.

Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Selangor, Morni Mamat, berkata pihaknya menerima panggilan kecemasan kebakaran pada jam 10.09 pagi.

KIFARAH 'DOSA' SILAMKU

<https://www.hmetro.com.my/utama/2023/04/951994/kifarah-dosa-silamku>

Sumber : Harian Metro



Semenyih: Kesalahan silam yang dilakukan diakui antara menjadi punca segelintir warga emas disisih keluarga seterusnya menjadi penghuni pusat jagaan warga emas atau rumah orang tua.

Tiada anak atau ahli keluarga sanggup menjaga dan akhirnya, golongan terbabit menghabiskan sisa hidup pada usia senja di pusat jagaan warga emas sebelum ajal menjemput.

Setiausaha Persatuan Kebajikan Mahmudah Malaysia Syafiq Mohiadin berkata, pengakuan itu dibuat segelintir penghuni Pusat Jagaan Mahmudah Malaysia kepadanya ketika dia cuba menyelami perasaan dan mendengar luahan mereka.

"Bukan mudah penghuni di sini hendak kongsi kisah silam pada awal perkenalan, tetapi apabila kerap ajak bersembang dan sudah selesa, mereka akan bercerita.

"Menurut apa yang diceritakan kepada saya, segelintir penghuni akui dan anggap apa yang berlaku terhadap mereka (tinggal di pusat jagaan warga emas) sebagai kifarah.

"Ia kerana ada yang mengakui pernah abaikan tanggungjawab terhadap keluarga termasuk anak dan isteri ketika muda kerana terlalu seronok dengan kehidupan.

"Akhirnya, anak mereka menyimpan dendam dan enggan menjaga mereka ketika usia emas," katanya ditemui di Pusat Jagaan Mahmudah Malaysia di sini.

Bagaimanapun, Syafiq berkata, ada juga kes 'tanggung moden' iaitu anak enggan lagi menjaga penghuni selepas mengaut harta mereka.

Katanya, punca lain adalah kerana sikap pasangan segelintir penghuni terbabit yang enggan hidup susah senang bersama selepas pasangan mereka menderita akibat penyakit atau cacat kekal.

"Apa pun, kena berbalik kepada ajaran agama dan sebab itu, kita perlu berbuat baik dengan semua terutama keluarga sejak muda dengan jalankan tanggungjawab sepatutnya.

"Akan tetapi, anak perlu ingat, sejauh mana pun ibu atau bapa mereka, ia bukan tiket untuk mengabaikan orang tua yang pernah satu ketika menjaga dan membesarkan kita.

"Sebaliknya, anak yang perlu menjaga dan menguruskan orang tua sehingga akhir hayat mereka," katanya.

Akta khas perlu digubal

Akta khas untuk warga emas perlu diwujudkan dan dikuatkuasakan bagi membela nasib golongan berkenaan, terutama membabitkan isu pengabaian.

Pengerusi Pusat Jagaan Mahmudah Malaysia Azman Rasman berkata, pihaknya berpandangan sudah tiba masa akta itu digubal, bagi melindungi warga emas terabai sama seperti akta sedia ada untuk kes membabitkan kanak-kanak.

Menurut Azman, pusat jagaan pihaknya menempatkan 45 penghuni terdiri daripada 22 wanita dan 23 lelaki berusia 40 hingga 80 tahun.

"Penghuni ini daripada pelbagai latar belakang dan mereka tiada waris, tidak mahu dijaga waris serta ada juga penghuni terlantar perlu diuruskan sepenuhnya dan memerlukan susu khas.

"Sebanyak 95 peratus kes di pusat jagaan ini membabitkan pengabaian dan perkara ini diharap dapat diberi perhatian oleh pihak berkaitan," katanya ditemui.

Menurut Azman, penghuni itu dihantar Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), hospital, polis dan pihak zakat selepas melalui tapisan ditetapkan.

Katanya, pusat jagaan itu beroperasi melalui dana daripada JKM, Lembaga Zakat Selangor dan sumbangan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) serta orang ramai.

"Kos keseluruhan operasi pusat ini setahun adalah RM780,000 yang mana kita perlukan RM65,000 setiap bulan.

"Sejak beroperasi pada 2016, pusat itu sudah menempatkan lebih 300 penghuni dengan 46 daripadanya sudah meninggal dunia," katanya.

656 kes pengabaian sejak 2018

Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) merekodkan 656 kes pengabaian atau dipinggirkan keluarga membabitkan warga emas di seluruh negara dalam tempoh lima tahun kebelakangan ini.

Ketua Pengarahnya, Datuk Shahrudin Abu Sohot berkata, sepanjang tempoh itu, 2020 mencatatkan kes tertinggi iaitu 162 kes diikuti 148 kes pada 2019.

Menurutnya, pada 2018, JKM mencatat 136 kes, 113 kes pada 2021 dan 97 kes untuk 2022 (setakat November).

"Selain pengabaian atau dipinggirkan keluarga, antara sebab lain kemasukan ke institusi di bawah JKM kerana sebatang kara, masalah kesihatan, ketidakupayaan, masalah penjagaan, penderaan dan kemiskinan.

"Namun tiada peningkatan signifikan dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)," katanya.

Shahrudin berkata, warga emas terbabit ditinggalkan dalam pelbagai situasi dan keadaan.

Antaranya di perhentian bas atau teksi, hospital dan di rumah tanpa pengawasan dalam tempoh lama.

Katanya, JKM juga menyediakan kemudahan institusi warga emas iaitu Rumah Seri Kenangan (RSK) dan Rumah Ehsan (RE).

"Ada 10 RSK di seluruh negara yang mana dua daripadanya dalam pembinaan naik taraf bangunan," katanya

ANAK SINDROM DOWN MAMPU JALANI HIDUP BERKUALITI

<https://www.bharian.com.my/amp/wanita/keluarga/2023/04/1084949/anak-sindrom-down-mampu-jalani-hidup-berkualiti>

Sumber : Berita Harian



MEMBESARKAN anak sindrom down mempunyai pelbagai cabaran, antaranya stigma menyelubungi golongan itu adalah sering dilihat sebagai beban, menghadapi diskriminasi dan disisihkan.

Pakar Perubatan Keluarga dari Klinik Kesihatan Semenyih, Dr Punitha Arinima berkata, sindrom down penyakit genetik dengan ciri-ciri fizikal khas, gangguan pada pertumbuhan dan perkembangan kognitif serta berkaitan pelbagai isu perubatan lain.

Pesakit sindrom down mempunyai ciri-ciri wajah hampir serupa, yang kali pertama dikesan oleh seorang doktor dari Britain, Dr John Langdon Haydon Down, pada 1866.

Hakikatnya, simptomnya berkaitan dengan genetik yang menjejaskan satu daripada setiap 800 kelahiran di Malaysia, jadi jangan rasa terasing.

Risiko sindrom down menjadi tinggi dengan bertambahnya umur ibu ketika hamil (terutama mereka yang berusia 40 tahun tahun).

Namun, kini ramai juga bayi sindrom down dilahirkan oleh ibu lebih muda.

"Bagi keluarga yang mempunyai anak istimewa ini kehidupan mereka penuh dengan cabaran, tetapi ada harapan.

"Dengan intervensi awal dan sokongan yang betul, keluarga dapat mengatasi cabaran dan menyediakan kehidupan yang bermakna dan memuaskan mereka," katanya.

Cabaran anak sindrom down

Dr Punitha berkata, antara cabaran terbesar bagi keluarga yang mempunyai kanak-kanak sindrom down ialah mencari sumber pendidikan, peluang pekerjaan dan sokongan yang betul.

Kerajaan Malaysia sudah menyediakan dasar dan program untuk membantu keluarga, seperti Pelan Strategik Kebangsaan bagi Pembangunan Orang Kurang Upaya (2016 hingga 2025)," katanya.

"Kita mempunyai Pusat Pemulihan Dalam Komuniti, Sekolah Pendidikan Khas dan Sekolah Menengah Pendidikan Kebangsaan (SMPK) Vokasional hampir di setiap negeri di bawah Bahagian Pendidikan Khas (sebanyak 34 sekolah) dan juga Kolej Vokasional.

Bagaimanapun, akses kepada sumber ini selalunya terhad dan banyak keluarga sukar untuk mendapatkan sokongan yang mencukupi.

Berisiko dapat sakit jantung

Antara masalah kesihatan sering dikaitkan dengan kanak-kanak berkenaan ialah pertumbuhan yang lambat, kesukaran untuk belajar dan bertutur.

Gangguan genetik pada bayi sindrom down menyebabkan bayi ini lahir dengan otot tidak begitu kuat dan kelihatan lembik semasa lahir. Ini menjejaskan tumbesaran di peringkat bayi dan kanak-kanak.

Terapi fizikal dan pekerjaan awal boleh memperbaiki dan membantu mereka untuk mendapatkan tona otot, seterusnya mengurangkan komplikasi.

"Lambat atau sukar dalam pembelajaran, lambat dalam pertuturan, penyakit jantung kongenital.

"Kanak-kanak sindrom down biasanya lebih berisiko tinggi dilahirkan dengan penyakit jantung berbanding dengan kanak-kanak biasa, namun ada antara dilahirkan tanpa apa-apa masalah kesihatan lain.

"Selain hidapi masalah pendengaran dan penglihatan turut dikaitkan dengan mereka," katanya.

Malah, mereka juga berisiko mendapat masalah kesihatan lain seperti gangguan fungsi Tiroid, leukemia akut, hipotiroidisme, obesiti, masalah berkaitan tulang dan usus.

Kaedah rawatan

Sindrom down adalah kondisi seumur hidup, namun ia tidak dapat dipulihkan, tetapi beberapa rawatan awal dapat membantu untuk meningkatkan kebolehan fizikal dan intelektual golongan ini.

Justeru, Dr Punitha menasihatkan saringan kesihatan dan rawatan perlu dibuat bergantung kepada masalah yang dikesan.

"Ada kes kanak-kanak sindrom down mengalami gangguan fungsi Tiroid, seperti pengeluaran hormon yang rendah, hipotiroid dan perlu rawatan penambahan hormon, contohnya tiroxin atau pengeluaran hormon yang berlebihan, hipertiroid yang memerlukan rawatan untuk mengawal pengeluaran hormon," katanya.

Keadaan ini boleh menjadi sangat mencabar bagi keluarga yang sudah bergelut untuk menyediakan rawatan perubatan dan sokongan lain untuk anak-anak mereka.

"Di sebalik cabaran ini, banyak keluarga mencari jalan mengatasinya dan menyediakan penjagaan dan sokongan kepada anak-anak mereka.

"Terdapat organisasi dan kumpulan sokongan yang memberikan bantuan dan nasihat kepada keluarga, dan ramai ibu bapa berkongsi cerita mereka dan menyokong kesedaran dan pemahaman yang lebih baik tentang sindrom down," katanya.

Peluang masa depan golongan sindrom down

Menurut Dr Punitha, sokongan keluarga dalam pendidikan dan asuhan untuk kanak-kanak sindrom down amat penting.

"Ahli keluarga dan seluruh masyarakat perlu meningkatkan kesedaran mengenai sindrom down dan membantu mereka yang mengalaminya untuk memahami keadaan dan cara terbaik menjaga mereka.

"Ini termasuk akses kepada rawatan perubatan, sumber pendidikan dan sokongan sosial," katanya.

Selain itu, kumpulan sokongan dan organisasi advokasi boleh memainkan peranan penting dalam menghubungkan keluarga dan memberikan sokongan emosi.

Kumpulan ini boleh memberikan rasa komuniti dan pengalaman berkongsi, membantu keluarga berasa kurang terasing dan lebih berkuasa untuk menjaga anak-anak mereka.

Dr Punitha berkata, kunci untuk menyokong keluarga yang menghidap sindrom down ialah mengenali keperluan dan cabaran unik mereka serta menyediakan sumber dan sokongan yang mereka perlukan untuk berkembang maju.

Dengan kesedaran, pendidikan dan sokongan yang lebih tinggi, keluarga boleh mengatasi cabaran dan menyediakan penjagaan dan kasih sayang yang mereka perlukan untuk berjaya.

Yang pasti, setiap kanak-kanak sindrom down mempunyai bakat dan keupayaan mereka tersendiri.

Dengan memulakan terapi pada peringkat kanak-kanak mereka mampu dilatih untuk lebih berketerampilan dan berdikari.

Di bawah Jabatan Pembangunan Orang Kurang Upaya (OKU) dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) ada Program Pemulihan Dalam Komuniti juga memberikan intervensi awal OKU, pusat sumber maklumat dan pusat rujukan OKU.

Peluang pekerjaan meliputi Unit Kerja (Bengkel Perusahaan) kepada pekerja OKU seperti jahitan, sulaman, roti dan pastri, dobi, peruncitan dan bistro (restoran) sekali gus boleh menjana pendapatan sendiri.

10 RUMAH SETINGGAN MUSNAH DALAM KEBAKARAN DI LABUAN

<https://www.sabahgazette.com/10-rumah-setinggalan-musnah-dalam-kebakaran-di-labuan/>

Sumber : Sabah Gazette



LABUAN: Sebanyak 10 rumah di Skim Penempatan Masyarakat Pelarian (SPMP) Muslim, di sini musnah dalam kebakaran petang semalam.

Jurucakap Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Labuan berkata, pihaknya menerima panggilan kecemasan kejadian itu pada 2.29 petang dan pasukan 23 pegawai dan anggota dikerah ke lokasi.

Pasukan daripada Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Labuan Sentral, BBP Layangan dan Ranche-Ranche.

“Kebakaran membabitkan rumah setinggalan jenis tidak kekal. Sebanyak 10 rumah terbakar 100 peratus dan terdapat dua rumah turut terjejas,” katanya dalam kenyataan.

Menurutnya, tiada kemalangan jiwa dilaporkan dan operasi itu tamat pada 4.49 petang.

“Punca kebakaran masih dalam siasatan,” katanya.

Agensi lain yang membantu adalah Polis Diraja Malaysia (PDRM) termasuk Unit Udaranya; Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM). – [HMetro](#)

PEMUDA PERKOSA KANAK-KANAK 12 TAHUN DIBERKAS

<https://www.kosmo.com.my/2023/04/02/pemuda-perkosa-kanak-kanak-12-tahun-diberkas/>

Sumber : Kosmo



TAWAU – Polis Tawau menahan seorang lelaki warga asing ekoran disyaki merogol kanak-kanak perempuan berusia 12 tahun di sebuah rumah sejak awal bulan ini.

Sepasukan polis dari Balai Polis Bombalai menangkap suspek berusia 32 tahun berkenaan di kawasan kebun kelapa sawit persendirian di Kampung Iban, Merotai Besar semalam.

Ketua Polis Daerah Tawau, Asisten Komisioner Jasmin Hussin berkata, siasatan awal mendapati kejadian berlaku sewaktu mangsa tinggal di kediaman suspek bermula awal bulan ini.

“Mangsa kemudiannya menghubungi saudara lain untuk membongkar perbuatan suspek dan tindakan segera sudah diambil.

“Berdasarkan maklumat diterima, sepasukan polis dari Balai Polis Bombalai terus bergegas ke lokasi untuk mengesan dan menahan suspek. Suspek dibawa ke Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Tawau untuk siasatan lanjut,” katanya dalam kenyataan media hari ini.

Jasmin berkata, kes disiasat mengikut Seksyen 376 Kanun Keseksaan dan Seksyen 6(1) Akta Imigresen 1959/63 kerana tinggal di negara ini tanpa sebarang dokumen diri yang sah. –

KOSMO! ONLINE

ANAK CEREBRAL PALSY PERLU DAPATKAN BANTUAN INTERVENSI AWAL

<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/04/952528/anak-cerebral-palsy-perlu-dapatkan-bantuan-intervensi-awal>

Sumber : Harian Metro



Johor Bahru: Ibu bapa yang dikurniakan anak-anak istimewa, Cerebral Palsy perlu menerima hakikat dan segera mendapatkan bantuan intervensi awal.

Pengerusi Persatuan Cerebral Palsy Johor (PCPJ), Tunku Fatimah Faridah Osman berkata, bantuan intervensi awal boleh diperolehi di Pusat Intervensi PCPJ yang terletak di Jalan Dato Menteri, di sini.

Beliau berkata, pusat intervensi yang ditubuhkan sejak 1967 itu antara pusat khidmat yang menyediakan tenaga pengajar dan latihan kepada kanak-kanak Cerebral Palsy.

Katanya, kini pusat itu mempunyai 73 pelajar dengan 33 kakitangan termasuk tenaga pengajar, ahli terapi, pelatih serta penjaga.

"Biarpun kami berdepan dengan kekangan kewangan, tetapi kami tetap meneruskan pelbagai aktiviti bagi memastikan kanak-kanak Cerebral Palsy ini menerima pendidikan mengikut kurikulum persekolahan, terapi dan latihan.

"Kami masih memerlukan tenaga pengajar bagi menampung keperluan pelajar di pusat ini dan amat mengalukan mereka yang memiliki latar belakang pendidikan khas untuk menyumbang tenaga ke pusat khidmat ini selain kekosongan bagi pembantu di dalam kelas," katanya.

Tunku Fatimah berkata demikian selepas menerima sumbangan wang tunai dan barangan bagi kegunaan sukaneka pelajar daripada Pengerusi Program Sosial Pertubuhan Inspirasi Negeraku Malaysia (Inspirasi Negeraku), Zulfadli Ismail di sini, hari ini.

Tunku Fatimah berkata, pihaknya turut mengalu-alukan kerjasama daripada pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan individu yang boleh menyumbang tenaga selain sumbangan tunai ke pusat khidmat itu yang akan memanfaatkan pelajar bagi jangka masa panjang.

Menurutnya, mana-mana individu, syarikat mahupun NGO yang berhasrat untuk menyumbang tenaga dan barangan serta wang tunai boleh berhubung dengan pusat berkenaan di talian 07-2235452.

Sementara itu, Zulfadli berkata, sumbangan kepada PCPJ itu adalah antara usaha berterusan pihaknya dalam memastikan komuniti yang kurang bernasib baik tidak dipinggirkan ditambah selepas pembukaan ekonomi.

"Kami dianggotai pelbagai individu yang bergiat dalam bidang perniagaan dan sumbangan hari ini adalah hasil kutipan daripada mereka bagi membantu PCPJ.

"Selain itu, kami turut bekerjasama dengan pelbagai agensi kerajaan dalam mengenalpasti golongan yang memerlukan untuk dibantu," katanya.

'SABAR, JANGAN AJAR': BAPA KANAK-KANAK AUTISTIK KONGSI PENGALAMAN

<https://www.malaysiakini.com/news/660845>

Sumber : Malaysia Kini



Terence Ho percaya bahawa kanak-kanak, terutamanya mereka yang mengalami Gangguan Spektrum Autisme (ASD), berhak mendapat peluang untuk belajar, namun, harus melakukannya dengan mengikut keupayaan mereka sendiri.

“Saya mempunyai tiga anak dan dua daripadanya adalah autistik. Yang sulung, Pao Yee, sama seperti kamu dan saya, yang kedua dan ketiga adalah autistik,” kata Ho kepada Malaysiakini semasa temu bual baru-baru ini sempena Hari Autisme Sedunia, hari ini (2 April).

Apabila Ho dan isteri menyedari bahawa anak kedua mereka, Hao Yee, tidak memahami sesuatu dengan cepat seperti anak sulung mereka, mereka berjumpa doktor yang mengesahkan bahawa dia menghidap ASD.

Hao Yee yang ketika itu berusia lima tahun kini telah berusia 11 tahun.

Anak bongsunya, Xem Wui yang berusia sembilan tahun, juga didiagnosis dengan ASD pada usia yang sama.

Berita itu sememangnya mengejutkan kedua ibu bapa itu kerana mereka tidak mempunyai sejarah ASD dalam keluarga mereka.

ASD ialah kumpulan keadaan yang berbeza yang dicirikan oleh kesukaran dalam interaksi sosial dan komunikasi.

Menurut Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, dianggarkan satu daripada 100 kanak-kanak di seluruh dunia menghidap autisme.

Bagaimanapun, jumlah autistik di kebanyakan negara berpendapatan rendah dan sederhana tidak diketahui.

Bukti saintifik menunjukkan faktor persekitaran dan genetik mungkin memainkan peranan.

“Melihat ke belakang, kami terkejut. Tentu saja kami cuba mencari tahu apa yang dapat kami lakukan. Kami membawa mereka ke doktor, pakar terapi, dan ahli psikologi juga,” kata Ho, yang bekerja di sebuah bank pelaburan.

Pergi ke sekolah

Bagaimanapun, Ho bernasib baik kerana mendapat sokongan keluarga dan bersedia membantu mereka menjaga kanak-kanak istimewa ini.

Ho yang berusia 50 tahun mengingat kembali bagaimana ketika Hao Yee dihantar ke tadika biasa, dia tidak dapat menyesuaikan diri sama sekali.

Bagaimanapun, keadaan bertambah baik apabila dia dihantar ke SJK (C) Salak South, yang menyediakan perkhidmatan kepada kanak-kanak berkeperluan khas. Xem Wui belajar di sana juga.

Kanak-kanak itu juga turut dihantar ke Pusat Autisme Hua Ming di Petaling Jaya di mana mereka belajar terapi pertuturan dan terapi cara kerja.

Terapi pertuturan banyak membantu mereka dengan kemahiran bertutur - kedua-dua kanak-kanak itu boleh berkomunikasi dalam Bahasa Malaysia, Inggeris dan Mandarin.

Dalam kelas terapi cara kerja pula mereka mempelajari kemahiran harian seperti memakai baju atau mengancing butang.

Koordinasi motorik adalah satu perkara yang mereka tidak dapat lakukan dengan baik berbanding kanak-kanak lain, justeru kesabaran dan latihan berterusan diperlukan.

“Lima deria mereka lebih sensitif berbanding dengan orang lain. Apabila anda bercakap dengan saya, anda boleh fokus pada saya. Tetapi bagi mereka, mereka dapat mendengar bunyi di sekeliling mereka. Ini lebih ditingkatkan bagi kanak-kanak yang mengalami autisme,” kata Ho.

Hujung minggu lalu, semasa menghadiri majlis perkahwinan anak saudaranya, Xem Wui tidak dapat menahan bunyi hiruk-pikuk.

“Dia menjerit dan berteriak. Jadi, saya turun ke pusat beli-belah Bangsar untuk mendapatkan headphone bagi menutup telinganya,” kata Ho.

Dia sanggup membayar harga yang mahal supaya Xem Wui dapat menutup telinganya untuk sementara waktu, tetapi jurujual di kedai elektronik itu nampaknya tidak faham keperluan segera itu.

Bagaimanapun, seorang wanita lain yang bekerja di sana - dipanggil Lily - mengeluarkan fon kepalanya sendiri dan memberikannya kepada Ho. Dia mahu membayarnya tetapi wanita berkenaan menolak.

"Dia berkata, tutup sahaja telinga anak anda," kata Ho, sambil menambah pengalaman itu menunjukkan bahawa terdapat ramai orang baik di luar sana yang membantu apabila diperlukan.

Pintar tetapi tidak boleh bercakap

Ho berkata seperti semua manusia lain, terdapat mereka yang mempunyai ASD menunjukkan kecerdasan yang hebat dan mereka yang tidak.

“Apa yang saya lihat, mereka bijak, cuma mereka tidak boleh bercakap secara lisan. Untuk anak perempuan saya, gaya seninya bermula dengan contengan dan lukisan yang tidak masuk akal. Dia kini menghasilkan beberapa lukisan yang sangat bagus.

“Anak saya sangat mahir menggunakan komputer, terutamanya menggunakan Microsoft Word dan PowerPoint. Dia boleh mencipta sehingga 300 PowerPoint sekali gus. Apa sahaja yang dilalui, dia boleh taip dalam Microsoft Word,” kata bapa itu bangga.

Dari segi personaliti, Hao Yee lebih cenderung sebagai seorang introvert manakala Xem Wui seorang yang ekstrovert.

“Mereka anak saya. Saya sayang mereka. Cuma apabila mereka keluar, orang tidak memahami mereka, atau mungkin mereka (masyarakat) takut kerana apa yang mereka (anak-anak) lakukan adalah di luar kebiasaan.

“Anak saya tiba-tiba pergi ke arah seseorang dan berkata, ‘Hello makcik, apa yang awak buat? Hari ini, saya pergi ke pawagam.’ Seseengah orang terkejut, jadi saya beritahu mereka bahawa mereka autistik.

"Saya tidak mahu orang ramai ketakutan," kata Ho, sambil menambah bahawa anak-anaknya suka menaiki MRT.

Ikut rentak mereka

Nasihat Ho kepada ibu bapa yang mempunyai anak ASD ialah bersabar dan biarkan mereka berkembang mengikut rentak mereka sendiri.

“Jangan ajar, kerana perkembangan mereka mungkin lebih perlahan berbanding kanak-kanak lain. Perkara utama ialah mereka suka belajar.

“Jadi, awak mesti banyak bersabar. Selain IQ, EQ juga merupakan kunci kepada perkembangan mereka,” kata Ho, sambil menambah adalah penting bagi mereka untuk memperoleh kemahiran hidup semasa perkembangan mereka.

Ketika perintah kawalan pergerakan (PKP), Ho dan keluarganya menggunakannya sebagai butang "set semula" untuk pendidikan dan perkembangan anak-anak mereka.

“Oleh kerana kami meluangkan lebih banyak masa bersama mereka, kami dapat melihat perkembangan mereka.

“Anak perempuan saya berada di tadika sebelum PKP. Saya masih ingat seorang guru memberitahu saya dia tidak mengajar anak perempuan saya apa-apa dan anak perempuan saya tidak dapat mengikuti kelasnya,” katanya.

“Kemudian, pada suatu hari, dia mengambil penanda papan putih dan mula melukis. Inilah yang dia lakukan. Dia melukis watak kartun. Dia boleh menulis perkataan juga.

“Selepas itu, saya memberikannya banyak kertas dan pensel warna. Dia mewarna dan melukis seluruh rumah,” tambahnya.

Masa terbaik

Ho berkata kesedaran mengenai autisme dalam kalangan masyarakat kini adalah lebih baik .

“Kita hidup dalam masa yang terbaik. Kalau lahir 20-30 tahun dulu, orang kata kita hantar ke Tanjung Rambutan (hospital psikiatri).

"Dengan teknologi sekarang, mereka tidak perlu bercakap. Mereka hanya boleh menaip dalam kotak mesej.

“Jadi, sebab itu saya katakan kepada ibu bapa, jangan sesekali berputus asa. Hanya berikan yang terbaik. Orang mungkin melihat anda secara berbeza tetapi kuncinya adalah untuk tidak bersikap acuh tak acuh kepada diri sendiri."

Mengenai pendidikan, Ho percaya semua sekolah harus mempunyai kelas pendidikan khas kerana kanak-kanak berkeperluan khas harus diberi peluang untuk pergi ke sekolah dan belajar.

Dia memberi contoh bos Tesla, Elon Musk dan pengasas Microsoft Bill Gates yang mempunyai ASD.

Ho berkata apabila kita melihat atau mendengar seseorang yang mempunyai ASD menjerit dan berteriak ia tidak bermakna mereka tidak boleh bercakap, tetapi kata-kata itu tidak keluar.

“Jadi kita perlu menggalakkan mereka untuk bercakap secara lisan. Ia sama seperti mengajar bayi banyak langkah kecil.

“Anak perempuan saya kini berusia 11 tahun, tetapi dia tidak berkelakuan seperti seorang anak 11 tahun. Dia kadang-kadang berkelakuan seperti kanak-kanak berumur empat atau lima tahun. Anak lelaki saya juga berkelakuan begitu tetapi mereka cepat belajar,” tambahnya.

Ho menjelaskan terdapat tiga tahap autisme. Orang autistik tahap 1 boleh hidup berdikari. Tahap 2 bermakna mereka memerlukan bimbingan. Bagi Tahap 3 pula, mereka tidak boleh hidup sendiri.

"Kedua-dua anak saya berada di Tahap 3 dan sedang menuju ke Tahap 2."

Beliau mengulangi nasihatnya agar ibu bapa kepada anak-anak ASD kekal kuat untuk anak-anak yang dianugerahkan Tuhan kepada mereka.

“Kami adalah yang paling kuat, hanya kami yang mampu menangani mereka. Tiada orang lain yang boleh menjaga mereka.”

Karya seni Hao Yee dan Xem Wui sedang dipamerkan di pameran kumpulan sebagai sebahagian daripada program "It's Okay to Be Different" GMBB (1 hingga 9 April) sempena Bulan Kesedaran Autisme.

KERANA CINTA DITOLAK, SEORANG WANITA CUBA TERJUN DARI TINGKAT 14 KOMPLEKS PKNS

<https://malaysiagazette.com/2023/04/02/kerana-cinta-ditolak-seorang-wanita-cuba-terjun-dari-tingkat-14-kompleks-pkns/>

Sumber : Malaysia Gazette



SHAH ALAM – Akibat cintanya ditolak, seorang wanita nekad untuk membunuh diri dengan cuba terjun dari tingkat atas Kompleks PKNS, Seksyen 14, di sini, hari ini.

Ketua Polis Daerah Shah Alam, Asisten Komisioner Mohd Iqbal Ibrahim berkata, tindakan wanita berusia 23 tahun itu disedari orang ramai yang kemudiannya menghubungi pihak polis kira-kira jam 11.40 pagi tadi.

Bagaimanapun cubaan bunuh diri pembantu butik pakaian itu berjaya diselamatkan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) dan pihak polis.

“Wanita berusia 20-an itu kemudiannya dibawa ke Hospital Tengku Ampuan Rahimah (HTAR) Klang untuk pemeriksaan lanjut dan rawatan.

“Suspek mempunyai masalah mental dan tekanan perasaan akibat cinta dinafikan dan perkara ini disahkan pihak hospital,” katanya dalam satu kenyataan, hari ini.

Tambah Mohd Iqbal, insiden itu merupakan kali kedua cuba dilakukan wanita yang sama untuk bunuh diri dengan terjun dari tingkat atas Kompleks PKNS, di sini.

“Subjek merupakan seorang pemegang Kad OKU (Mental). Ini merupakan cubaan kedua subjek cuba untuk membunuh diri di tempat yang sama.

“Cubaan pertama adalah pada Mei 2022. Subjek akan menghubungi sendiri bilik gerakan Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Shah Alam sebelum membuat cubaan bunuh diri,” katanya.

Tambah beliau, pihaknya turut menghubungi keluarga wanita terbabit bagi memaklumkan insiden tersebut.

“Ahli keluarga subjek yang tinggal di Seksyen 24, Shah Alam telah dimaklumkan sebaik sahaja pihak polis menerima maklumat awal,” katanya. – MalaysiaGazette

WANITA OKU KALI KEDUA CUBA TERJUN PKNS

<https://www.kosmo.com.my/2023/04/02/wanita-oku-kali-kedua-cuba-terjun-pkns/>

Sumber : Kosmo



SHAH ALAM – Bomba menyelamatkan seorang wanita orang kelainan upaya (OKU) yang dipercayai cuba terjun kali kedua akibat tekanan perasaan di bangunan Kompleks PKNS, Seksyen 14 di sini, hari ini.

Kejadian itu disedari pengawal keselamatan yang terkejut melihat mangsa berusia lingkungan 20-an berkenaan bersendirian di tebing tingkat empat bangunan tersebut.

Pengarah Bomba Selangor, Morni Mamat berkata, pihaknya bergegas ke lokasi kejadian selepas menerima panggilan kecemasan pukul 11.42 pagi.

Katanya, sepasukan 10 anggota termasuk pegawai dan jentera dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Shah Alam dikerah dalam operasi menyelamatkan berkenaan.

“Pemeriksaan mendapati wanita itu didapati berada bersendirian di tebing kompleks berkenaan dalam keadaan menangis.

“Anggota bomba kemudian memujuk mangsa selama lima minit dan menyelamatkannya,” katanya ketika dihubungi hari ini.

Jelas Morni, mangsa yang tidak mengalami kecederaan kemudian diserahkan kepada polis bagi tindakan lanjut.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Shah Alam, Asisten Komisioner Mohd. Iqbal Ibrahim berkata, siasatan mendapati ia cubaan kedua wanita berkenaan cuba terjun dari bangunan tersebut.

“Mangsa mempunyai masalah mental iaitu tekanan perasaan akibat cinta yang disahkan oleh hospital.

“Wanita itu dihantar ke Hospital Tengku Ampuan Rahimah (HTAR) Klang bagi rawatan lanjut,” katanya.

Pada Mei tahun lalu, Kosmo! melaporkan polis menyelamatkan seorang gadis yang cuba terjun akibat masalah kemurungan di bangunan sama. – KOSMO! ONLINE

EKSEKUTIF WANITA DI MIRI RUGI LEBIH RM140 RIBU DITIPU ‘SCAMMER’

<https://tvstv.my/2023/04/02/eksekutif-wanita-di-miri-rugi-lebih-rm140-ribu-ditipu-scammer/>

Sumber : TVSTV



MIRI, 2 April: Seorang eksekutif pemasaran wanita berputih mata selepas wang simpanannya berjumlah RM140,470 lesap akibat diperdaya sindiket penipuan dalam talian.

Wanita berusia 44 tahun yang bekerja di sebuah syarikat swasta di Miri pada mulanya tertarik dengan satu iklan pelaburan di atas nama ‘Wild Traders’ di laman Facebook.

Ketua Polis Daerah Miri, Asisten Komisioner (ACP) Alexson Naga Chabu berkata, pihaknya menerima satu laporan polis berhubung kes itu pada Jumaat.

“Pengadu mendakwa telah diperdaya selepas menekan satu pautan iklan pelaburan di Facebook sebelum disambungkan ke aplikasi Whatsapp individu tidak dikenali.

“Teruja dengan pulangan yang dijanjikan, mangsa telah memasukkan wang simpanan sendiri ke dalam 14 akaun berbeza sejak bulan Disember 2022 sehingga Mac 2023 sehingga mengalami kerugian berjumlah RM140,470,” katanya menerusi satu kenyataan hari ini.

Katanya, pengadu mula curiga apabila keuntungan yang diharapkan belum diterima setelah mengeluarkan modal yang begitu banyak.

Ujarnya, mangsa hanya menyedari dirinya telah terjerat selepas suspek kerap meminta pembayaran tambahan, malah mangsa tidak dapat mengeluarkan keuntungan daripada pelaburan sebelumnya.

Sehubungan itu, Alexson menasihatkan orang ramai agar sentiasa berwaspada dan tidak mudah mempercayai tawaran iklan-iklan pelaburan yang menjanjikan keuntungan tinggi dalam tempoh masa singkat.

Oleh yang demikian, Alexson menegaskan orang ramai perlu membuat semakan status pelaburan dengan Bank Negara Malaysia melalui laman web <https://www.bnm.gov.my/financial-consumer-alert-list> dan juga melalui capaian laman web Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) di <https://www.sc.com.my/regulation/enforcement/investor-alerts/sc-investor-alerts/investor-alert-list>

Katanya lagi, ia penting untuk mengetahui maklumat tentang pelaburan terlibat sama ada terdapat kebenaran untuk menjalankan perniagaan pelaburan atau mengutip wang daripada orang ramai.

Aduan juga boleh dibuat dengan menghubungi Pusat Respons Scam Kebangsaan (MSRC) di talian 997.

Orang ramai boleh membuat semakan nombor telefon dan akaun bank suspek melalui Check Zcamers CCID atau melalui laman web <http://semakmule.rmp.gov.my> sebelum membuat sebarang transaksi kewangan.

Orang ramai juga digalakkan melayari Facebook Jabatan Siasatan Jenayah Komersil, Cyber Crime Alert PDRM dan Jabatan Siasatan Jenayah Komersil Sarawak untuk mendapatkan maklumat modus operandi terkini penipuan. – TVS

BAJU RAYA, WANG TUNAI RM20,000 HANGUS

<http://origin.bharian.com.my/berita/kes/2023/04/1085236/baju-roya-wang-tunai-rm20000-hangus>

Sumber : Berita Harian



BESUT: Seorang lelaki berdepan detik cemas apabila rumahnya tiba-tiba terbakar ketika sedang mandi bersama anak keduanya di luar rumah, tengah hari tadi.

Ketika kejadian, mangsa, Shafie Yusof, 55, dari Kampung Gerong, dekat Apal, di sini, baru pulang selepas mengambil anaknya, Nur Aulia Sofia yang berusia lima tahun dari prasekolah kira-kira jam 12.30 tengah hari.

Shafie berkata, isterinya, Rohana Che Nordin, 44, yang bertugas sebagai guru serta anak sulung mereka, Nur Adrina Shafina yang berusia lapan tahun masih di sekolah ketika kejadian.

"Pada awalnya saya tidak sedar rumah terbakar kerana tiada bau hangit atau bunyi bising dari dalam rumah kerana ketika itu sedang mandi di hadapan rumah.

"Namun ketika mahu masuk ke dalam rumah untuk mengambil baju, saya perasan ada api serta asap tebal dari arah tengah rumah.

"Nasib baik anak segera berlari menghala rumah jiran...jika dia berlari masuk ke dalam rumah, mungkin akan terperangkap dalam kebakaran," katanya ketika ditemui di lokasi kejadian.

Sementara itu Rohana berkata, segala persiapan raya termasuk baju raya anak yang dibeli beberapa hari lalu turut hangus dalam kebakaran.

"Sejumlah wang tunai RM 20,000 dikeluarkan dari bank kebetulan disimpan dalam bilik untuk tujuan membaiki rumah juga tidak dapat diselamatkan kerana kejadian berlaku terlalu pantas.

"Suami hanya sempat mengalihkan sebuah kereta serta dua motosikal ke tempat selamat.

"Segala dokumen penting seperti kad pengenalan, kad bank, pakaian, peralatan rumah juga hangus," katanya yang menumpang rumah keluarga terdekat buat sementara waktu.

Sementara itu, Komander Operasi Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Jertih, Muhammad Tarmimi Che Musa mengesahkan kejadian itu.

WARGA EMAS OKU RENTUNG DALAM KEBAKARAN RUMAH

<https://www.astroawani.com/berita-malaysia/warga-emas-oku-rentung-dalam-kebakaran-rumah-413752>

Sumber : Astro Awani



TUARAN: Seorang lelaki warga emas rentung di dalam satu kebakaran rumah yang berlaku di Kampung Tagas, di sini, malam tadi.

Mangsa, Agus Ebah, 72 tahun, juga merupakan seorang orang kurang upaya (OKU) ditemukan 26 minit selepas api berjaya dipadamkan sepenuhnya oleh pihak bomba.

Menurut Jurucakap Pusat Gerakan Operasi (PGO) Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah, kebakaran tersebut dimaklumkan kepada pihak bomba pada jam 10.35 malam. Sepasukan anggota dan pegawai daripada Balai Bomba Dan Penyelamat (BBP) Tuaran dikerahkan ke kawasan kejadian bagi menjalankan operasi menyelamat.

Seramai lapan anggota dan pegawai dikerahkan ke kawasan kebakaran Kampung Tagas, Jalan Pertanian Tuaran, bersama dua jentera, bagi memadamkan kebakaran.

"Kebakaran melibatkan sebuah rumah jenis separuh kekal yang terbakar sepenuhnya.

"Terdapat seorang mangsa terlibat rentung, disahkan meninggal dunia pada jam 11.57 malam di lokasi kejadian oleh pegawai perubatan Kementerian Kesihatan Malaysia," menurut kenyataan yang dikeluarkan pada Isnin.

Tindakan operasi pemadaman berjaya mengawal api sepenuhnya pada jam 11.31 malam.

Mayat mangsa diserahkan kepada pihak polis bagi tindakan lanjut sebelum operasi ditamatkan pada jam 01.34 pagi.

TAK SUKA MENTUA, RASA TERBEBAN PUNCA 2,144 WARGA EMAS DIABAI

<https://www.utusan.com.my/nasional/2023/04/tak-suka-mentua-rasa-terbeban-punca-2144-warga-emas-diabai/>

Sumber : Utusan



PETALING JAYA: Menantu tidak suka mentua dan berasa payah menjaga ibu bapa menjadi faktor sebanyak 2,144 warga emas diabai dan ditinggalkan di hospital sepanjang tempoh lima tahun iaitu dari 2018 hingga Jun 2022. Lebih menyedihkan, banyak waris termasuk anak sendiri dikesan enggan tampil untuk mengambil warga emas tersebut. Antara alasan diberi adalah masalah keluarga, tiada penjaga termasuk tidak mengenali individu...

RUMAH HANGUS, WARGA EMAS SEMPAT SELAMAT WANG ZAKAT, BARANG KEMAS [METROTV]

<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/04/952420/rumah-hangus-warga-emas-sempat-selamat-wang-zakat-barang-kemas-metrotv>

Sumber : Harian Metro

Kota Bharu: "Walaupun rumah kami hangus 100 peratus, wang zakat amanah abang untuk diberikan kepada asnaf berjaya diselamatkan ibu," kata Saifullah Husain.

Saifullah, 33, berkata, kebakaran jam 3 petang semalam menyebabkan dia dan ibunya, Eshah Omar, 73, tinggal sehelai sepinggang dan kini menumpang di rumah abangnya.

Dia berkata, kebakaran dipercayai berpunca ketika ibunya sedang menggoreng ayam bagi penyediaan menu ayam masak merah untuk berbuka puasa manakala dia tiada di rumah.

"Ibu kemudian keluar ke kedai runcit tidak jauh dari rumah untuk membeli bahan masak yang tidak mencukupi sebelum teringat api dapur tidak ditutup.

"Dia yang tiba di rumah segera ke dapur dan ternampak kualiti sudah rentung manakala api sudah menyambar ke kertas dinding dan terus mencapai kualiti itu seterusnya melempar ke lantai.

"Merasakan keadaan tidak dapat dikawal, ibu segera ke ruang tamu dan mencari bungkusan wang zakat yang dibungkus bersama sedikit barang kemasnya sebelum keluar dari rumah," katanya ketika ditemui di Kampung Teras, Sering, di sini, hari ini.



SAIFULLAH melihat rumah yang didiaminya hangus dalam kebakaran di Kampung Teras, Sering, petang semalam. FOTO Siti Rohana Idris.

Saifullah berkata, dia yang dihubungi jiran mengenai kejadian itu terus pulang ke rumah kerana dalam fikirannya ketika itu hanyalah keselamatan ibunya.

Katanya lagi, sebaik tiba di perkarangan rumah, dia ternampak ibunya terduduk sambil menangis dan merenung sayu melihat rumah pusaknya hangus.

"Beberapa hari lalu abang ada mengirimkan RM2,000 wang untuk diberi zakat kepada asnaf dan saya sudah mula mengagihkan kepada tiga penerima sebanyak RM50 setiap keluarga.

"Bakinya ibu simpan dalam bungkusan bersama barang kemasnya dan dalam keadaan panik, dia sempat memikirkan amanah abang itu sebelum bergegas mendapatkannya dalam timbunan pakaian," katanya.

Saifullah berkata, selain wang zakat dan barang kemas, semua barangan lain turut rentung dalam kebakaran itu namun mereka reda dengan ujian.

Katanya lagi, ibunya asyik menyalahkan diri sendiri dan berkata jika dia ada di rumah ketika itu, sudah pasti kejadian berkenaan tidak berlaku.

"Buat sementara ini kami berdua menumpang rumah abang manakala ibu juga masih trauma dan kerap menangis jika terbayangkan tragedi itu," katanya.

ANAK-ANAK OKU JUGA BERHAK BELAJAR AGAMA

<https://www.utusan.com.my/berita/2023/04/anak-anak-oku-juga-berhak-belajar-agama/>

Sumber : Utusan



PETALING JAYA: Dianggarkan 41,694 anak-anak orang kurang upaya (OKU) beragama Islam yang mempunyai masalah pembelajaran tidak mendapat pendidikan agama secara formal sekali gus menyebabkan mereka tidak terdedah kepada pengetahuan fardu ain dan boleh menjadi buta al-Quran. Jumlah itu adalah 26 peratus daripada keseluruhan 159,594 kumpulan OKU beragama Islam yang mempunyai masalah pembelajaran seperti lembam, Sindrom Down, Austime, kurang upaya intelektual,...